

Awas penipuan penculikan siber tuntutan wang tebusan

PENCULIKAN siber merujuk kepada satu bentuk pencerobohan apabila penjenayah menggunakan tipu helah, manipulasi dan teknologi untuk mencipta persepsi palsu bahawa seseorang telah diculik atau berada dalam keadaan bahaya.

Berbeza dengan penculikan tradisional yang mana mangsa diculik secara fizikal. Penculikan maya memanipulasi taktik psikologi untuk mengeksploit duit tebusan daripada keluarga atau orang yang disayangi mangsa.

Dalam skim penculikan siber yang tipikal, penjenayah mungkin menggunakan pelbagai kaedah seperti panggilan telefon, mesej teks atau media sosial untuk berkomunikasi dengan keluarga mangsa.

Mereka sering menggunakan ugutan, paksaan dan manipulasi rakaman audio untuk membuat kelihatan seperti mangsa dalam bahaya atau ditawan.

Matlamatnya adalah untuk



Penculikan maya memanipulasi taktik psikologi bertujuan memeras wang tebusan daripada keluarga atau orang yang disayangi mangsa.

mencipta rasa cemas dan ketakutan yang membawa keluarga mangsa mematuhi tuntutan wang tebusan.

Skim penculikan siber boleh menjadi sangat menyedihkan bagi mangsa dan keluarganya kerana sering melibatkan senario meyakinkan dengan me-

manipulasikan emosi mangsa.

Adalah penting bagi individu terlibat untuk kekal tenang dengan mengesahkan keselamatan orang yang disayangi dan menghubungi pihak berkuasa jika mengesyaki menjadi sasaran skim penculikan siber.

Selain itu, tingkatkan kesedar-

an tentang jenis penipuan ini dengan mendidik orang ramai mengenai cara mengenal pasti penipuan dan cara bertindak balas dalam menghadapinya. Dengan ini, kesedaran tersebut berupaya membantu mencegah terjadinya penipuan penculikan siber.

Penculikan siber ialah satu jenis skema penipuan yang boleh berlaku di mana-mana negara termasuk Malaysia.

Walaupun mungkin tidak ada laporan meluas mengenai penculikan siber khususnya di Malaysia, adalah penting bagi penduduk di negara ini untuk sedar akan penipuan ini dan tahu bagaimana melindungi diri daripada menjadi mangsa.

Dengan adanya kemudahan teknologi kecerdasan buatan (AI) pada masa ini, ia berupaya memudahkan dan melancarkan lagi aktiviti penculikan siber dengan pengintipan maklumat, pemalsuan suara dan wajah serta penggunaan kaedah serangan *phishing*

yang lebih canggih.

Jika menerima panggilan telefon yang mendakwa bahawa orang yang anda sayangi telah diculik, cuba kekal tenang dan sahkan identiti penelefon.

Ajukan soalan yang hanya mangsa yang sebenar akan tahu jawapannya atau cuba menghubungi mangsa yang sebenar secara langsung atau melalui cara lain yang dipercayai.

Jika anda percaya anda menjadi sasaran skim penculikan maya, laporkan kejadian tersebut kepada pihak Polis Diraja Malaysia atau Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Berhati-hatilah apabila menerima panggilan atau mesej tidak diundang terutamanya yang menimbulkan rasa takut atau kecemasan.

- Dr Firkhan Ali Hamid Ali ialah Pensyarah Kanan Jabatan Keselamatan Maklumat dan Teknologi Web, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia